

07 DEC 2002

Polis-Filipina/I

MANILA AKAN HANTAR PULANG REMAJA M'SIA PADA ISNIN

KOTA KINABALU, 7 Dis (Bernama) -- Manila dijangka menghantar pulang seorang gadis Malaysia berusia 13-tahun pada Isnin ini untuk memudahkan siasatan terhadap dakwaan bahawa beliau dirogol semasa berada dalam pusat tahanan sementara imigresen di Sabah.

Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Pahlawan Ramli Yusuff berkata polis Filipina telah menghubungi rakan-rakan mereka di Malaysia untuk menguruskan penghantaran pulang gadis itu.

"Gadis itu akan ditempatkan di bawah penjagaan Jabatan Kebajikan," kata beliau kepada pemberita selepas menghadiri rumah terbuka Hari Raya yang dianjurkan oleh Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai dan isteri Toh Puan Hajai Siti Rukaiyah Panglima Abdullah di kediaman rasmi mereka di Likas.

Beliau berkata kes itu akan disiasat sebagai kes rogol di bawah Seksyen 376 Kanun Keseksaan.

Gadis itu yang tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri dihantar ke Filipina pada Julai lepas bersama pendatang tanpa izin yang lain dari negara itu.

Dakwaan gadis itu menyebabkan Presiden Gloria Macapagal-Arroyo mengutus sepucuk surat kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta kerajaan menyiasat kes itu.

Polis Malaysia seterusnya mewujudkan pasukan penyiasat khas dan semasa siasatan, polis mendapati gadis itu sebenarnya warga Malaysia.

Ditanya sama ada ibu bapa gadis itu juga akan disoal siasat, Ramli berkata: "Ya...kita akan memanggil setiap orang."

Mengenai dakwaan aktiviti pembalakan haram di hutan Kalabakan di Tawau seperti yang didakwa oleh Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Sabah, Ramli berkata polis masih belum menerima laporan mengenai hal itu.

Pada Khamis, Ketua Menteri Datuk Chong Kah Kiat meminta mereka yang mempunyai maklumat mengenai aktiviti pembalakan haram supaya membuat laporan polis.

"Polis menunggu bagi maklumat lanjut dan kami akan bertindak apabila menerimanya," kata beliau.

-- BERNAMA

JS PR